



# PERTANDINGAN PROJEK SULAM UM 2022

## KATEGORI PERTANDINGAN

- Projek SULAM Terbaik
- Projek e-SULAM Terbaik

 **Tarikh  
Penyertaan:  
14 Mac - 7 Jun  
2022**

## HADIAH PERTANDINGAN

Kategori Pemenang	Projek SULAM Terbaik	Projek e-SULAM Terbaik
Tempat Pertama	RM1,000, Plak & Sijil	RM1,000, Plak & Sijil
Tempat Kedua	RM800, Plak & Sijil	RM800, Plak & Sijil
Tempat Ketiga	RM600, Plak & Sijil	RM600, Plak & Sijil
Saguhati (2 Pemenang)	RM300 & Sijil	RM300 & Sijil

Terbuka kepada semua Pelajar UM yang menjalankan Projek SULAM/Jalinan Masyarakat, Semester 2, Sesi 2021/2022 sahaja.

## CARA PENYERTAAN

Layari laman web [sulam.um.edu.my](http://sulam.um.edu.my) dan klik Pertandingan Projek SULAM UM 2022.

Muat turun borang penyertaan dan senarai semak mengikut kategori yang dipertandingkan.

Lengkapkan borang penyertaan dan senarai semak, kemudian **emelkan salinan softcopy** kepada En. Fadhi, Pegawai Projek SULAM melalui emel [mohdfadhli@um.edu.my](mailto:mohdfadhli@um.edu.my) dan Cc. kepada [citra@um.edu.my](mailto:citra@um.edu.my) selewat-lewatnya pukul 5.00 petang, 7 Jun 2022.

## GARIS MASA PERTANDINGAN

- 14 Mac 2022 - Pertandingan Dibuka
- 7 Jun 2022 - Pertandingan Ditutup
- 8 Jun 2022 - Proses Saringan (Pemilihan 5 projek terbaik dari setiap kategori)
- 13 Jun 2022 - Sesi Pembentangan Secara Atas Talian (Pembentangan oleh 5 projek terbaik dari setiap kategori)
- 20 Jun 2022 - Majlis Penyampaian Hadiah



## OBJEKTIF PERTANDINGAN

- Mengiktiraf pelaksanaan khidmat komuniti yang dijalankan oleh pelajar dan pensyarah bersama orang awam, NGO, industri dan agensi yang berkaitan samaada secara bersemuka ataupun secara atas talian
- Menggalakkan khidmat komuniti kepada orang awam/NGO/Industri dan agensi yang berkaitan secara lebih tersusun di kalangan pelajar
- Melaksanakan pertandingan projek khidmat komuniti yang lebih fleksible samaada secara bersemuka ataupun dalam talian
- Menjadi panduan kepada pelajar dan pensyarah dalam merancang dan menjalankan aktiviti khidmat komuniti yang lebih tersusun dan berimpak tinggi untuk masa akan datang.

## KRITERIA PROJEK BAGI PERTANDINGAN PROJEK SULAM UM 2022

Bagi maksud pertandingan ini, sesuatu projek SULAM/Jalinan Masyarakat perlu memenuhi kriteria berikut:

- Projek tersebut adalah berasaskan pedagogi service-learning
- Pelajar bertindak sebagai pemberi perkhidmatan yang menggunakan ilmu dan kemahiran yang dipelajari di dalam kursus akademik untuk memberi perkhidmatan kepada komuniti yang telah dikenalpasti
- Projek boleh dilaksanakan secara bersemuka ataupun secara atas talian bersama komuniti yang tertentu dengan menggunakan salah satu atau kombinasi daripada pendekatan SULAM berikut:
  - Langsung (Direct: Person to person, face to face service projects)
  - Tidak langsung (Indirect: Working on broad issues, environmental projects)
  - Advokasi (Advocacy: Educating others about topics of public interest)
  - Penyelidikan (Research: Gathering and presenting information on area of interest and need)

## SYARAT PENYERTAAN

- Permohonan terbuka kepada semua pelajar Universiti Malaya yang menjalankan projek SULAM/Jalinan Masyarakat (JM) Semester 2, Sesi 2021/2022 sahaja
- Setiap kumpulan adalah terdiri daripada 5 hingga 10 orang pelajar dan seorang pensyarah sebagai penyelia projek
- Pensyarah kursus tersebut berperanan sebagai penasihat/fasilitator kepada kumpulan pelajar terbabit
- Setiap penyertaan perlu bersifat asli (iaitu tiada unsur-unsur plagiat). Penganjur pertandingan berhak untuk menolak mana-mana penyertaan yang tidak menepati syarat-syarat pertandingan dan/atau mempunyai maklumat yang tidak benar
- 5 Finalis pertandingan dari setiap kategori yang terpilih diminta untuk membentangkan projek SULAM/JM di hadapan panel penilai yang dilantik oleh pihak CITrA
- Permohonan MESTI diperakukan oleh Pensyarah Kursus

## KRITERIA PENILAIAN

- Keaslian projek dan/atau idea (20%)
- Kreativiti dan inovasi yang diketengahkan (20%)
- Potensi projek tersebut untuk diteruskan (10%)
- Kolaborasi dengan pihak industri, agensi dan/atau NGO (10%)
- Kesan projek tersebut ke atas pembelajaran pelajar (pengetahuan, kemahiran dan sikap) (20%)
- Manfaat projek tersebut ke atas komuniti yang telah dikenalpasti (20%)

## PENGANJUR :

Pusat Latihan *Intern* dan  
Pengayaan Akademik  
(CITrA)  
Universiti Malaya

